



LBS PERKUKUH EKOSISTEM KOMERSIAL DI KITA @ CYBERSOUTH BERSAMA MYDIN

- *Seiring dengan pembangunan KITA @ Cybersouth, MYDIN hadir sebagai pasar raya pertama yang membawa kemudahan harian lebih dekat kepada komuniti*

Petaling Jaya, 7 September 2026 – LBS Bina Group Berhad (“LBS” atau “Kumpulan”), pemaju hartanah terkemuka pilihan rakyat, perkukuh landskap peruncitan dan komersial di perbandaran utama, KITA @ Cybersouth susulan pemeteraian Perjanjian Penyewaan (“Perjanjian”) bersama Mydin Mohamed Holdings Berhad (“MYDIN”), salah sebuah peruncit tempatan berstatus halal yang terkemuka di Malaysia.

Kerjasama ini menandakan satu pencapaian penting dalam pembangunan berterusan di KITA @ Cybersouth dan MYDIN bakal menjadi pasar raya pertama di perbandaran ini. MYDIN akan menawarkan kemudahan dan akses yang lebih baik kepada penduduk serta komuniti sekitar, di samping memperkukuh ekosistem komersial dan menyokong transformasi KITA @ Cybersouth sebagai sebuah komuniti dinamik serta saling terhubung.

Perjanjian tersebut telah dimeterai dalam satu majlis menandatangani perjanjian rasmi yang diadakan pada 5 September 2026 di Galeri Jualan LBS, KITA @ Cybersouth, bersempena sambutan KITA Merdeka anjuran LBS. Perjanjian tersebut telah ditandatangani oleh Datuk Wira Lim Hock Guan, Pengarah Urusan Kumpulan dan Ketua Pegawai Eksekutif LBS, serta Datuk Wira (Dr.) Haji Ameer Ali Mydin, Pengarah Urusan MYDIN, dan disaksikan oleh Pengerusi Eksekutif Kumpulan LBS, Tan Sri Dato’ Sri Ir. (Dr.) Lim Hock San, serta Tuan Ahimmat Mydin, Pengarah Eksekutif MYDIN.

Kehadiran MYDIN merupakan titik tolak utama dalam perkembangan KITA @ Cybersouth. Seiring dengan kematangan pembangunan bandar ini, komuniti setempat turut berkembang, sekali gus meningkatkan permintaan terhadap kemudahan dan keperluan harian yang melengkapkan kehidupan sesebuah kejiranan - daripada barangan keperluan dapur dan isi rumah kepada kemudahan membeli-belah serta ruang untuk berkumpul. MYDIN dijangka dapat memenuhi keperluan tersebut di samping menyemarakkan lagi aktiviti dan penawaran komersial di KITA @ Cybersouth.

Mengulas mengenai pencapaian tersebut, Tan Sri Dato' Sri Ir. (Dr.) Lim Hock San, berkata, "Sejajar dengan perkembangan KITA @ Cybersouth, adalah penting untuk memastikan kemudahan dan perkhidmatan yang disediakan di dalam perbandaran ini terus berkembang selaras dengan keperluan para penduduk. Kehadiran MYDIN sebagai pasar raya pertama di perbandaran ini merupakan satu lagi langkah ke arah mewujudkan sebuah komuniti yang lebih lengkap, dan MYDIN merupakan jenama tempatan yang amat dipercayai serta mempunyai pemahaman yang kukuh terhadap keperluan pengguna di Malaysia. Sudah tentu kami amat berbesar hati serta mengalu-alukan kehadiran MYDIN ke KITA @ Cybersouth."

Datuk Wira (Dr.) Ameer Ali Mydin, Pengarah Urusan MYDIN berkata, "Kerjasama dengan LBS ini amat bermakna buat MYDIN, memandangkan pengalaman LBS dalam membangunkan komuniti yang kukuh serta kawasan pertumbuhan baharu. Keputusan untuk membuka MYDIN sebagai pasar raya pertama di KITA @ Cybersouth turut mencerminkan keyakinan kami terhadap potensi besar Cybersouth yang sedang berkembang pesat dan menarik semakin ramai penduduk, khususnya golongan keluarga muda. Kami mahu MYDIN menjadi lebih daripada sebuah destinasi membeli belah, dan menjadi sebahagian daripada komuniti ini selaras dengan perkembangannya dengan menyediakan barangan keperluan harian pada harga berpatutan, di samping menawarkan pengalaman membeli-belah yang mudah dan selesa kepada para penduduk."

Merentasi kawasan seluas kira-kira 633 ekar Tanah Rizab Melayu, pembangunan KITA @ Cybersouth dirancang teratur sebagai perbandaran bersepadu yang menghimpunkan komponen kediaman, penawaran komersial, jaringan perhubungan serta kemudahan komuniti dengan persekitaran dengan akses yang baik. MYDIN akan mendiami kawasan tanah seluas 1.37 ekar dengan binaan 24,000 kaki persegi, melengkapi pembangunan berterusan KITA Avenue Square, yang kini dalam pembinaan dan ditawarkan dengan harga bermula RM1,399,000. Secara keseluruhannya, penawaran runcit ini dijangka menyediakan pilihan produk dan perkhidmatan

yang lebih luas untuk para penduduk, di samping mewujudkan sinergi kukuh dalam ekosistem komersial di perbandaran tersebut.

Dengan anggaran penduduk seramai kira-kira 67,000 orang, KITA @ Cybersouth disokong oleh demografi penduduk dengan majoriti terdiri daripada golongan muda, di mana kira-kira 63% pembeli berusia lingkungan 40 tahun ke bawah. Kini pembangunan yang dirancang adalah sebanyak kira-kira 16,000 unit, dengan sekitar 40% telah siap dibangunkan, manakala 5% lagi sedang dalam pembangunan dan baki 55% masih di peringkat perancangan.

Kerjasama antara LBS dan MYDIN merupakan satu langkah ke hadapan dalam merealisasikan komitmen LBS menerusi aspirasi *Bersama Membina Masa Depan*, sekali gus memperkukuh KITA @ Cybersouth sebagai sebuah perbandaran yang dinamik dan mempunyai jaringan perhubungan yang baik, di mana kediaman berkualiti, kemudahan harian serta komuniti dapat berkembang secara harmoni.

-Tamat-
